

# penjana

## Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

### SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)

#### PROGRAM DANA PADANAN CARUMAN EKONOMI GIG PLATFORM

#### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 2/2020 | 1 SEP 2020

#### 1. Apakah itu Program Dana Padanan Caruman Ekonomi Gig Platform (PenjanaGig)?

---

- **Program PenjanaGig** adalah bantuan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi Gig. Sejak perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, berlaku peningkatan terhadap permintaan ke atas perkhidmatan dan pekerjaan berlandaskan ekonomi Gig dan seterusnya meningkatkan risiko kemalangan bencana kerja.
- Bantuan kerajaan ini berbentuk sumbangan sebahagian caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (**SKSPS**), PERKESO.

#### 2. Apakah itu pekerja Gig yang dimaksudkan di bawah Program PenjanaGig?

---

- Pekerja Gig adalah mereka yang terlibat untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja di mana mereka dibayar upah dan dikendalikan melalui platform penyedia perkhidmatan atas talian (*online*) serta aplikasi *digital*. Rujuk **Lampiran 1**.



### 3. Apakah pelan perlindungan Keselamatan Sosial yang disediakan di bawah SKSPS?

- Terdapat **empat (4) jenis Pelan** bayaran caruman **SKSPS**, sepertimana Jadual berikut;

Pelan Pilihan	Pendapatan Diinsuranskan	Caruman Bulanan	Caruman Tahunan
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

### 4. Apakah pelan caruman yang layak di bawah skim ini?

- Pelan caruman yang dipilih adalah pelan kedua iaitu RM232.80 setahun.
- Bantuan caruman dibayar untuk tempoh perlindungan selama setahun.

### 5. Berapakah jumlah yang disumbangkan oleh Kerajaan dan jumlah yang perlu dibayar oleh platform penyedia perkhidmatan?

- Caruman akan dibayar melalui sumbangan kerajaan sebanyak 70%, manakala baki 30% adalah daripada sumbangan caruman oleh platform penyedia perkhidmatan (ataupun pekerja gig sendiri melalui platform penyedia perkhidmatannya) di bawah **Pelan 2**.
- Jumlah yang disumbangkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM163.00 daripada RM232.80.

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan – 70%	Caruman Penyedia Platform – 30%
<b>Pelan 2 (RM232.80)</b>	<b>RM163.00</b>	<b>RM69.80</b>



## 6. Adakah caruman boleh dibayar secara bulanan?

---

- Caruman tidak boleh dibayar secara bulanan. Bantuan caruman dibayar untuk tempoh perlindungan selama setahun.

## 7. Apakah syarat-syarat yang melayakan OBS bagi mendapatkan manfaat di bawah program ini?

---

- Bertaraf warganegara Malaysia / pemaustautin tetap.
- Bekerja secara aktif di bawah **platform penyedia ekonomi Gig**.
- Bekerja sepenuh masa atau separuh masa.
- OBS yang belum pernah atau yang sedang mencarum SKSPS layak mendapat program Padanan Caruman ini.
- Perlindungan SKSPS di bawah program ini adalah ditetapkan di bawah Pelan 2 sahaja.
- OBS bekerja di Malaysia.
- Mana-mana OBS yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor adalah dibenarkan membuat permohonan, dengan syarat sektor berkenaan adalah di bawah **platform penyedia ekonomi Gig**. **Contoh senario adalah seperti berikut:**

Senario	Contoh	Kelayakan Permohonan
<b>Senario 1:</b> Bekerja di bawah satu sektor (di bawah platform ekonomi Gig).	Sektor pengangkutan penumpang (MyCar).	Layak satu permohonan.

Senario	Contoh	Kelayakan Permohonan
<b>Senario 2:</b> Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (kedua-dua sektor adalah di bawah platform ekonomi Gig).	Sektor pengangkutan penumpang (Grabcardriver) dan perkhidmatan professional (Freelancer).	Layak dua permohonan  <i>Contoh: Grabdriver satu permohonan dan Freelancer satu permohonan.</i>
<b>Senario 3:</b> Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (salah satu adalah di bawah platform ekonomi Gig).	Sektor pertanian (Penanam padi) dan sektor pengangkutan barangan/makanan (Bungkusit).	Layak satu permohonan  <i>Contoh: Hanya boleh memohon untuk Bungkusit (kerana tergolong di bawah platform ekonomi Gig).</i>
<b>Senario 4:</b> Bekerja di bawah dua sektor yang berbeza (kedua-dua sektor bukan bawah platform ekonomi Gig).	Penternakan (Penternak ikan patin) dan penjaja (Pasar Malam)	Tidak layak permohonan.

**8. Adakah platform penyedia perkhidmatan ekonomi Gig dikehendaki mendaftar di bawah penyedia perkhidmatan yang berdaftar dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)?**

- Ya, penyedia platform penyedia perkhidmatan adalah perlu berdaftar dengan MDEC.



## 9. Apakah faedah yang dinikmati oleh Orang Bekerja Sendiri di bawah Program PenjanaGig?

- Faedah yang dinikmati oleh OBS adalah perlindungan Keselamatan Sosial di bawah SKSPS, PERKESO.

## 10. Apakah jenis faedah yang disediakan di bawah SKSPS?

- Di bawah Skim Bencana Pekerjaan **SKSPS**, di antara faedah yang disediakan adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Faedah	Pelan
		Pelan 2 (PenjanaGig)
1.	Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkecualan menerima RM41 sehari)
2.	Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
3.	Faedah Orang Tanggungan (Kematian) kepada Pasangan / Ibu Bapa / Adik Beradik / Anak.	RM1,395 sebulan sepanjang hayat
4.	Elaun Layanan Sentiasa kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.	RM500 sebulan
5.	Faedah Pengurusan Mayat	RM2,000

- Faedah-faedah lain yang disediakan adalah seperti berikut;



- i. Faedah Perubatan
- ii. Faedah Pendidikan
- iii. Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional

**Nota: Untuk penjelasan lanjut mengenai faedah-faedah SKSPS, sila rujuk laman sesawang [gig.perkeso.gov.my](http://gig.perkeso.gov.my).**

**11. Bagaimanakah permohonan program ini boleh dibuat oleh penyedia platform penyedia perkhidmatan?**

---

- Platform penyedia perkhidmatan boleh berdaftar di dalam **Program PenjanaGig** melalui laman sesawang [gig.perkeso.gov.my](http://gig.perkeso.gov.my).

**12. Apakah dokumen yang diperlukan bagi pendaftaran di bawah Program PenjanaGig?**

---

- Dokumen yang diperlukan untuk permohonan Program PenjanaGig:
  - i. Salinan pendaftaran SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan; dan
  - ii. Salinan surat pengesahan MDEC sebagai Rakan Strategik bagi Program Ekonomi Perkongsian

**13. Bilakah permohonan ini boleh dikemukakan kepada PERKESO?**

---

- Permohonan dan bayaran caruman boleh dibuat bermula **15 Jun 2020** sehingga **31 Disember 2021**.
- Kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan akan tertakluk kepada keputusan PERKESO secara muktamad.

**14. Bilakah tarikh perlindungan SKSPS bermula?**

---



- Perlindungan bermula dari tarikh dan masa penerimaan bayaran caruman SKSPS oleh platform penyedia perkhidmatan.

**15. Adakah terdapat had bilangan pekerja Gig untuk memohon di bawah Program PenjanaGig?**

---

- Tiada had bilangan pekerja Gig bagi setiap permohonan oleh platform penyedia perkhidmatan.

**16. Bagaimana jika OBS sudah berdaftar di bawah mana-mana pelan SKSPS?**

---

- PERKESO sedang meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya dan akan memaklumkan serta berbincang dengan pihak platform penyedia perkhidmatan.

**17. Bagaimana jika OBS berhasrat untuk mendapatkan bantuan ini, tetapi tiada kerjasama daripada pihak platform penyedia perkhidmatan?**

---

- OBS boleh menghubungi pihak PERKESO untuk membuat libat urus (*engagement*) dengan pihak platform penyedia perkhidmatan.

**Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian [1-300-22-8000](tel:1-300-22-8000) atau e-melkan kepada [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
15 JUN 2020 – 1.11 AM**



## LAMPIRAN 1: SENARAI PENYEDIA PLATFORM PERKHIDMATAN EKONOMI GIG YANG BEROPERASI DI MALAYSIA

NO.	PLATFORM	NAMA SYARIKAT
1	123RF	123RF Technology Sdn. Bhd.
2	AccessTrade	Interspace Digital Malaysia Sdn Bhd
3	Akla	Akla Services Sdn. Bhd.
4	Alegion	Alegion (Malaysia) Sdn. Bhd.
5	Armels	Therapy On Demand Sdn Bhd
6	Astanatama	Astana Tama Sdn Bhd.
7	Bantu	Bantu Teknologi (M) Sdn Bhd
8	Bateriku	Green Initiative Sdn.Bhd.
9	Bego	Solaku Sdn Bhd
10	Boleh Compare	Easy Compare Sdn Bhd
11	Bungkusit	HRZ Creations Sdn Bhd
12	Carput	The Battery Shop Sdn Bhd
13	Casamua	Casamua Digital
14	Chupspace	Space Bazaar Sdn Bhd
15	CideKick	Cidekick Sdn Bhd
16	Cloudbreakr	Advwhere Sdn. Bhd.
17	Collectco	Collectco Services Sdn.Bhd
18	ContentWriter	Heyram Solutions
19	Dacsee	DMD Technology Sdn. Bhd.
20	DD.Express	DD Express Sdn. Bhd.
21	Deogo	MyInteractive Lab Sdn. Bhd.
22	Delivereat	Delivereat Sdn. Bhd.
23	Doocash	Aspen Circle Sdn Bhd
24	Dresstal	Dresstal Group Sdn Bhd



NO.	PLATFORM	NAMA SYARIKAT
25	Droupr	Droupr Sdn. Bhd.
26	Effortless	Effortless Beauty Sdn Bhd
27	Ezilori	Ezilori Sdn Bhd
28	Ezyspark	Ezyspark Asia Sdn. Bhd.
29	FastJobs	FastJobs Sdn Bhd
30	Favser	Favser International Sdn. Bhd.
31	Foodpanda	Foodpanda Malaysia Sdn. Bhd.
32	Freelancing	Heyram Solutions
33	FutureLab	Future Laboratory Sdn. Bhd.
34	GetRunner	GetMove Sdn Bhd
35	GIGaGIGs	GIGaGIGs Sdn Bhd
36	Gloviss	Global Vision Research Sdn. Bhd.
37	GoCoach	Go Coach Global Sdn. Bhd.
38	GoGet	Eternal Meteor Sdn. Bhd.
39	Golog	Gobuilders Netsoft Sdn. Bhd.
40	GoShareLah	SushiVid Sdn Bhd
41	Grab	Grabcar Sdn Bhd
42	Happy2u	Happy Apparel Enterprise
43	HappyFresh	iCart Malaysia Sdn Bhd
44	Helpy	Helpy Sdn Bhd
45	Homage	Homage Sdn Bhd
46	HostAStay	HostAStay Berhad
47	Hyred	Get Hyred Sdn Bhd
48	Inbosz	Inbosz Technologies Sdn Bhd
49	Involve Asia	Involve Asia Technologies Sdn. Bhd.
50	Jobforhire	Megasap Sdn.Bhd.

NO.	PLATFORM	NAMA SYARIKAT
51	JomRides	USGA Malaysia Sdn. Bhd.
52	JustLorry	Just Supply Chain Sdn. Bhd.
53	Kerja Digital	Crowd Digital Work Sdn. Bhd.
54	KiddoCare	Nadi-Ayu Technologies Sdn. Bhd.
55	Kumoten	OGN Online Sdn Bhd
56	KwikCar	Kwikcar Technologies Sdn. Bhd.
57	Lalamove	Lalamove Malaysia Sdn Bhd
58	LetsGoHoliday	Soffinn Solutions Sdn Bhd
59	Lokalocal	Loka Travel Sdn. Bhd.
60	Lorry365	Lorry365 Sdn.Bhd.
61	MaidEasy	MaidEasy Sdn. Bhd.
62	MakanSharing	Food Sharing Platform Sdn Bhd
63	Matdespatch	Early Risers Sdn Bhd
64	MauKerja	Agensi Pekerjaan Ajobthing Sdn Bhd
65	Moola	Laputa Ventures Sdn Bhd
66	Moovby	Moovby Sdn. Bhd
67	Mr. Speedy	MrSpeedy Malaysia Sdn Bhd
68	Mr. Wireman	Mr Wireman Sdn.Bhd.
69	Mula	MULA Car (M) Sdn. Bhd.
70	Mybump	MyBump Media Sdn Bhd
71	MyCar	Platform Apps Sdn. Bhd.
72	MyCash Online	MC Online Sdn. Bhd.
73	MyCribBooking	MyC Tech Sdn. Bhd.
74	Mydidian	Didian Realtor Sdn. Bhd.
75	Netizen Testing	Netizen Testing Sdn. Bhd.
76	OwlTing	OwlTing Malaysia Sdn bhd

NO.	PLATFORM	NAMA SYARIKAT
77	Pantangplus	Win Quarters Sdn. Bhd.
78	PartTimePost	Flamy Sdn. Bhd.
79	PasarTap	Essex Energy Sdn.Bhd.
80	Pona	Pona Sdn. Bhd.
81	Qwork	Qwork Malaysia Sdn. Bhd.
82	Riding Pink	Riding Pink Sdn. Bhd.
83	Rodeo	MyRodeo Sdn Bhd
84	Rtist	Zeroo Sdn. Bhd.
85	Seekers	Agensi Pekerjaan Job Search Asia Sdn Bhd
86	SenangNow	Senang Terbit PLT
87	Sentuh	Sentuh Sinergi Sdn Bhd
88	SERV	Serv Technology Sdn Bhd
89	ServisHero	Business Pixel Sdn Bhd
90	SlingApp	Beneflex Sdn Bhd
91	SmartJobs	NS Globaltech Sdn. Bhd.
92	StarTasker	StarTasker Enterprise
93	Supahands	Supahands Dotcom Sdn. Bhd.
94	Sureplify	Sureplify Holdings Bhd
95	SushiVid	SushiVid Sdn Bhd
96	TheLorry	The Lorry Online Sdn. Bhd.
97	TourPlus	Tourplus Technology Sdn. Bhd.
98	Travelog	Travelog Malaysia Sdn. Bhd.
99	Tutorkami	TK Edu Sdn. Bhd.
100	Upal	Upal Sdn. Bhd.
101	Wahdah	Wahdah Technologies Sdn Bhd
102	Workana	Workana Sdn. Bhd.

NO.	PLATFORM	NAMA SYARIKAT
103	XTVT	CiEdge Adventure Sdn Bhd
104	Yummi Hero	Yummi Hero Sdn Bhd
105	ZeptoExpress	Zepto Lab Sdn Bhd
106	Zoom	Contactus Sdn Bhd